

**DATO' PADUKA DATO' MURSHID DIRAJA SYEIKH MUHAMAD BADERUDIN HAJI AHMAD
-MANTAN DEKAN KULLIYYAH USULUDDIN**

SESI TEMUBUAL PADA - 20 FEBRUARI 2018

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

- S. YBhg Dato', saya Muhammad Lukman Bin Harun, Pustakawan Kanan UniSHAMS ingin menemubual YBhg Dato' untuk pengisian bahan di dalam Galeri.
- J. **Waalaikumussalam, pertama sekali, saya merakamkan ucapan berbanyak terima kasih di atas kesudian Jawatankuasa Galeri UniSHAMS menemubual saya sebagai bekas warga kerja INSANIAH.**
- S: *YBhg Dato' pernah berkhidmat di KUIN, sebagai pensyarah, Dekan Kulliyyah Usuluddin dan Ahli Lembaga Pengarah, apakah pandangan YBhg Dato' di atas naiktaraf INSANIAH kepada Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah atau UniSHAMS?*
- J: **Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala atas limpah kurniaNya sehingga Kolej Universiti INSANIAH berjaya dinaiktaraf sebagai Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah atau UniSHAMS. Sebagai seorang yang pernah berkhidmat di KUIN saya sangat bersyukur di atas kejayaan ini kerana ia bukan sahaja kejayaan kepada Negeri Kedah Darul Aman tetapi kepada seluruh umat Islam seluruhnya.**
- S: *Bagaimanakah YBhg Dato' diterima bekerja di INSANIAH?*
- J: **Pelantikan ini atas permintaan Profesor Dr Ahmed Omar Hashem, mantan Rektor Universiti Al-Azhar, Mesir yang dalam rangka lawatan kerja rasmi ke Asia Tenggara telah singgah ke INSANIAH pada Jun 1997 meminta jasa baik Prof. Emeritus Dato' Dr. Haji Othman Bin Ishak, Pengarah INSANIAH yang pertama supaya melantik saya sebagai tenaga pengajar di INSANIAH atas kepakaran yang dimiliki dalam bidang hadis.**
- Profesor Dr Ahmed Omar Hashem, merupakan musyrif atau penyelia tesis pengajian Sarjana saya di mana beliau telah menyelia tesis saya sebanyak 1,000 muka surat yang menghuraikan Kitab Sunan Baihaqi dengan memberi keputusan Mumtaz (cemerlang).**
- Semasa lawatan ke INSANIAH saya telah dipanggil untuk berjumpa dengan beliau, dan diberi arahan supaya bekerja di INSANIAH bagi berganding bahu dengan tenaga akademik sedia ada untuk membantu memartabatkan pembangunan akademik di Negeri Kedah.**
- Walaupun saya sangat sibuk dengan pengurusan pentadbiran Pondok Hutan Palas atau Maktab Pengajian Islam Kedah, Kodiang, namun sebagai pelajar yang taat dan patuh kepada arahan guru, maka saya mula bertugas sebagai Pensyarah Kulliyyah Usuluddin Institut Agama Islam Negeri Kedah Darul Aman (INSANIAH) mulai 01 Oktober 1997 dan mengajar bidang hadis di Kulliyyah Usuluddin.**
- S: *Berapa lamakah YBhg Dato' bertugas di INSANIAH?*

- J. Saya bertugas di INSANIAH selama 11 tahun sehingga dilantik oleh KDYMM Tuanku Sultan Kedah Darul Aman (Almarhum Sultan Abdul Halim) sebagai Mufti Negeri Kedah Darul Aman pada Julai 2009.

S: Adakah YBhg Dato' berasa berpuas hati dapat berkhidmat di INSANIAH dalam tempoh masa tersebut?

- J. Alhamdulillah, saya berpuas hati kerana dapat menyumbang bakti bagi membantu memperkasakan pengajian Islam serta menyebarluas syiar Islam kepada ummah.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pengurusan INSANIAH yang memberi peluang kepada saya untuk berkhidmat dengan berkongsi kepakaran dan pengalaman yang saya dimiliki.

Saya berkelulusan Sarjana Usuluddin takhassus hadis, dengan ilmu pengetahuan yang Allah pinjamkan ini dan pengkhususan dalam bidang hadis, saya berpuas hati dapat mengajar dan membantu para pelajar belajar dengan lebih mendalam serta lebih fokus. Faktor pengkhususan sangat penting kerana ia mempengaruhi serta mampu mewujudkan keberkesanannya dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Hadis Nabi SAW ada menyebut bahawa ‘Orang yang berilmu kemudiannya mengajarkan ilmu dan memudahkan perjalanan ilmu tersebut, maka Allah SWT akan ampunkan semua dosa-dosanya sehingga ikan-ikan di dalam laut akan turut memohon ampun bagi orang tersebut.’

- S: YBhg Dato' adalah mantan Mufti Negeri Kedah dan pastinya mempunyai hubungan yang rapat dengan Almarhum Sultan Abdul Halim yang merupakan Canselor Pertama KUIN, apakah detik-detik manis yang dikongsi bersama Almarhum berkaitan dengan KUIN?

- J. Hubungan saya dengan Almarhum Sultan Abdul Halim menjadi rapat ketika menjawat jawatan Mufti Negeri Kedah pada tahun 2008 kerana Almarhum Tuanku menjadikan Mufti sebagai pakar rujuk paling tinggi dalam hal ehwal agama. Saya telah beberapa kali diundang ke istana dan berbincang empat mata dengan Almarhum Tuanku.

Semasa Almarhum Tuanku menjadi Yang Dipertuan Agong, baginda telah beberapa kali menjemput saya mengadap semasa 27 Ramadan di Bilik Tuanku di Istana Negara. Almarhum Tuanku bertitah supaya Institusi Agama Islam Negeri Kedah terutamanya Jabatan Mufti mempertahankan aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah di Negeri Kedah serta mengelakkan pengaruh fahaman Wahabi.

Oleh itu, UniSHAMS sebagai sebuah Universiti Islam diyakini dapat membantu memastikan Negeri Kedah terus kekal mengamalkan fahaman Ahli Sunnah Wal Jamaah.

- S: Sebagai mantan Dekan Kulliyah Usuluddin, adakah YBhg Dato' pernah terfikir dan yakin bahawa INSANIAH akhirnya menjadi sebuah universiti penuh?

- J. Saya pernah dilantik menjadi Dekan Kulliyah Usuluddin selama dua penggal semasa pentadbiran Profesor Dato' Dr. Marzuki Bin Mahmood (Pengarah Ke-2) dan Profesor Emeritus Dato' Wira Dr. Jamil Bin Osman (Rektor Ke-2) juga semasa

menganggotai Lembaga Pengarah Kolej Universiti INSANIAH, memang itulah harapan supaya taraf INSANIAH dinaikkan kepada sebuah universiti penuh bagi membantu memartabatkan pengajian Islam khususnya dan akademik Negeri Kedah amnya. Alhamdulillah, doa semua rakyat Kedah telah dimakbulkan.

S: Sebagai mantan Dekan Kulliyah Usuluddin serta turut terlibat semasa naik taraf INSANIAH kepada Kolej Universiti pada tahun 2006, apakah pandangan YBhg Dato' di atas naiktaraf INSANIAH kepada Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah atau UniSHAMS?

J. Allahyarham Dato' Murshid DiRaja Dato' Paduka Syeikh Abdul Majid Bin Mohd. Noor yang terlibat sejak dari awal penubuhan INSANIAH serta juga sebagai Ahli Lembaga Pengarah INSANIAH mengibaratkan INSANIAH sebagai sebuah pohon rendang berbuah yang memberi manfaat kepada umat islam sejagat. Bukan hanya dapat menumpang teduh di bawah rimbunan daunnya malah buah yang dihasilkan dapat mengenyangkan orang yang berteduh itu.

Semasa proses permohonan naiktaraf INSANIAH kepada Kolej Universiti, semua staf baik pensyarah mahupun staf pentadbiran, kita sama-sama menggembung tenaga bertungkus lumus menyiapkan dokumen yang diperlukan untuk dikemukakan kepada pihak Kementerian. Berkat kesungguhan dan keikhlasan yang ditunjukkan oleh semua pihak yang terlibat, INSANIAH dinaiktaraf kepada Kolej Universiti INSANIAH pada Mei 2006.

Alhamdulillah, berkat kesungguhan pengurusan pentadbiran yang ada sekarang serta kemampuan akademik yang dimiliki oleh KUIN di samping mampu memenuhi semua kriteria yang disyaratkan telah meyakinkan pihak Kementerian Pendidikan Tinggi untuk memberi taraf universiti penuh sebagai Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah atau UniSHAMS. Saya turut berbangga dengan pencapaian ini dan sentiasa berdoa semoga UniSHAMS terus cemerlang dan setanding dengan universiti lain yang terkemuka.

S: Pada pandangan YBhg Dato', adakah program pengajian 3+1 yang dilaksanakan semasa awal penubuhan INSANIAH lebih bagus berbanding pengajian 4+0 seperti sekarang ataupun sebaliknya?

J. Ketika mula-mula berkhidmat di INSANIAH, sistem pengajian ketika itu memberi peluang kepada saya mengajar sehingga 14 hadis dalam satu semester, bagaimanapun apabila berlaku perubahan dalam sistem pengajian menyebabkan saya hanya mampu mengajar 7 hadis sahaja dalam satu semester.

Pada pandangan saya sebagai ahli akademik, sistem pengajian peringkat awal penubuhan INSANIAH mampu memantapkan pengajian.

S: Secara jujurnya, pada pandangan YBhg Dato' adakah UniSHAMS mampu bersaing dan bergerak setanding dengan IPTS lain?

J. Saya penuh yakin bahawa UniSHAMS mampu bersaing dengan universiti-universiti lain kerana apa-apa kejayaan yang kita mahu adalah di tangan kita sendiri. Jika semua staf UniSHAMS mengambil tanggungjawab untuk memartabatkan UniSHAMS setanding dengan universiti lain serta berusaha melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan, tiada yang mustahil perkara itu akan menjadi kenyataan.

Harapan saya supaya semua warga UniSHAMS daripada Lembaga Pengarah Universiti, Rektor hingga kepada kakitangan bawahan mesti bersemangat untuk menjayakan agenda UniSHAMS. Apa yang penting ialah keikhlasan dan kesungguhan dalam memikul amanah dan tanggungjawab.

S: *Dari pengalaman YBhg Dato', apakah faktor yang menyebabkan pelajar memilih INSANIAH untuk melanjutkan pengajian?*

J. Di awal penubuhannya, INSANIAH adalah cawangan Universiti Al-Azhar di Asia Tenggara kerana itulah Rektor/Syeikh Al-Azhar beberapa kali melakukan lawatan kerja rasmi ke INSANIAH bagi tujuan semakan kurikulum yang digunakan.

Pengalaman semasa mengajar dulu, saya dapati ramai pelajar luar negara melanjutkan pengajian ke INSANIAH terutamanya pelajar dari Negara China dan Thailand yang mencari pusat pengajian yang menggunakan Bahasa Arab sebagai bahasa pengantar 100 peratus. Pelajar-pelajar ini tidak boleh berkomunikasi di dalam Bahasa Malaysia mahupun Bahasa Inggeris hanya menggunakan Bahasa Arab dalam semua urusan.

Antara faktor lain yang menjadi penyebab INSANIAH menjadi pilihan pelajar melanjutkan pengajian ke sini ketika itu ialah kadar yuran yang rendah berbanding pusat pengajian lain.

Baru-baru ini saya telah melawat sebuah pusat pengajian di Yala, Thailand dan dijemput untuk sesi temubual di stesen radio di sana dan saya telah dihubungi oleh seorang bekas pelajar INSANIAH yang pernah saya ajar dan kami berkomunikasi di dalam Bahasa Arab. Untuk makluman, saya juga telah dilantik sebagai pensyarah bebas di Universiti Islam Pattani, Thailand.

S: *Pada pendapat YBhg Dato', apakah tindakan atau strategi pemasaran yang perlu diambil oleh UniSHAMS bagi meningkatkan jumlah pelajar yang diperlukan oleh sebuah universiti?*

J. Antara faktor penting dan berkesan bagi menarik lebih ramai pelajar melanjutkan pengajian ke UniSHAMS melalui kaedah strategi sebaran maklumat dan pemasaran yang berkesan adalah dengan:

1. Sentiasa menghebahkan kebaikan yang dimiliki oleh UniSHAMS kepada khalayak ramai.
2. Mempamerkan matlamat, visi dan misi UniSHAMS, tunjukkan kelebihan atau manfaat UniSHAMS sekiranya pelajar menyambung pengajian di sini.
3. Dalam keadaan ekonomi yang sangat mencabar, kos yuran pengajian perlu mampu ditanggung oleh pelajar, sementara itu perlu ada sumber untuk membantu membayai pengajian pelajar yang kurang berkemampuan.

S: *Secara peribadinya, bolehkah YBhg Dato' kongsikan pandangan dan perasaan YBhg Dato' dengan perkembangan terkini UniSHAMS.*

J. Saya berbangga dengan pencapaian UniSHAMS dan berdoa supaya terus berjaya sebagai universiti Islam yang tersohor.

S: Apakah kata-kata nasihat atau pemberi semangat daripada YBhg Dato' kepada semua warga UniSHAMS?

J. Sebagai seorang tenaga akademik yang pernah berkhidmat di INSANIAH, bekas Mufti Negeri Kedah dan bekas Ahli Lembaga Pengarah KUIN, saya akan terus berdoa semoga UniSHAMS terus berjaya.

Bagaimanapun, warga UniSHAMS bermula daripada Rektor hingga staf bawahan perlu menjalin hubungan baik dan erat dengan ulama di Negeri Kedah. Sentiasa menjaga keharmonian hubungan dengan ulama kerana ulama sentiasa berdoa untuk kebaikan UniSHAMS sebagai sebuah universiti Islam.

Semua staf perlu memiliki rasa kekitaan kepada UniSHAMS, sebagai hak kita, bukan sekadar tempat makan gaji sahaja. Perlu diingat bahawa bekerja di UniSHAMS adalah untuk mendaulatkan ilmu Allah dan akan dikurniakan ganjaran pahala serta berharap agar pihak Kerajaan Negeri juga sama-sama memikul tanggungjawab .

Di samping itu, perlulah mengawasi akhlak pelajar dengan memastikan pelajar lelaki dan perempuan menjaga batas susila dalam perhubungan bagi mengelakkan fitnah dan perkara maksiat.

Cara berinteraksi dengan masyarakat perlulah berhemah dan beradab kerana sikap yang ditunjukkan akan memberi kesan kepada percakapan dalam kalangan orang awam.

S: Apakah harapan YBhg Dato' kepada UniSHAMS dan juga graduan yang telah tamat belajar dari UniSHAMS?

J. Berharap supaya UniSHAMS bukan sekadar melakar nama sebagai universiti penuh tetapi memanfaatkan kedudukan sebagai universiti Islam untuk sumbangan kepada ilmu ke jalan Allah.

Kualiti graduan yang dihasilkan oleh UniSHAMS perlu mampu berdepan dengan cabaran mendatang serta memiliki ilmu pengetahuan yang mencukupi, berketrampilan serta menjadi role model kepada masyarakat untuk diteladani.

S: Bolehkah YBhg Dato' kongsikan kenangan manis sepanjang berkhidmat di INSANIAH?

J. Banyak pengalaman pahit manis yang saya perolehi sepanjang berkhidmat di INSANIAH, namun hubungan baik serta semangat ukhwah yang dibina dengan semua peringkat staf INSANIAH menyebabkan semua urusan kerja berjalan dengan lancar.

S: Besarlah harapan kami, Ahli Jawatankuasa Kerja Galeri UniSHAMS sekiranya YBhg Dato' sudi menyumbang apa-apa dokumen, foto, artifak atau apa sahaja yang berkaitan dengan INSANIAH untuk diabadikan di dalam Galeri UniSHAMS.

J. Insya Allah, saya terpaksa mencari dahulu bahan-bahan berkenaan dan akan serahkan kepada Galeri UniSHAMS.